



30 Disember 2019  
30 December 2019  
P.U. (A) 375

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KERETA MOTOR  
(TALI PINGGANG KELEDAR) (PINDAAN) 2019

*MOTOR VEHICLES  
(SAFETY SEAT-BELTS) (AMENDMENT) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KERETA MOTOR  
(TALI PINGGANG KELEDAR) (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

**Pindaan kaedah 1**

2. Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) 1978 [P.U. (A) 378/1978], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 1 dengan menggantikan perkataan “**Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar)**” dengan perkataan “**Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar dan Sistem Kekangan Kanak-Kanak)**”.

**Kaedah baharu 1A**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 1 kaedah yang berikut:

“Takrif. 1A. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“bas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334], dan termasuklah bas persiaran;

“bas berhenti-henti” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987;

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang berumur di bawah dua belas tahun dengan berat kurang daripada 36 kilogram dan ketinggian kurang daripada 136 sentimeter;

“kenderaan pelancongan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594];

“kenderaan perkhidmatan awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987;

“sistem kekangan kanak-kanak” ertinya suatu peranti yang boleh memuatkan penumpang kanak-kanak dalam keadaan duduk atau berbaring di dalam suatu kenderaan motor, dan direka bentuk untuk mengurangkan risiko kecederaan kepada kanak-kanak sekiranya berlaku pelanggaran atau pengurangan kelajuan secara mendadak kenderaan motor itu dengan menghadkan pergerakan badan kanak-kanak itu.”.

## **Pindaan kaedah 2**

### **4. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—**

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kereta motor” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “kenderaan motor”;

- (b) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan “untuk pemasangannya” perkataan “mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual”;
- (c) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “Perenggan (1)” dengan perkataan “Subkaedah (1)”; dan
- (d) dengan menggantikan subkaedah (3) dengan subkaedah yang berikut:

“(3) Jika kenderaan motor yang disebut dalam subkaedah (2) didapati tidak dipasang dengan tali pinggang keledar mengikut subkaedah (1), pemunya berdaftar kenderaan motor itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.”.

#### **Pindaan kaedah 2A**

5. Kaedah 2A Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “kereta motor” dengan perkataan “kenderaan motor”;
- (b) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada kaedah 6—

- (a) tiap-tiap tempat duduk belakang kenderaan motor, selain kenderaan motor yang disebut dalam perenggan (b), yang didaftarkan pada atau selepas 1 Januari 1995 hendaklah dipasang dengan

tali pinggang keledar yang mempunyai tiga tempat penambat terbina dalam yang ditempatkan pada kedudukan terbaik untuk pemasangannya mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) tiap-tiap tempat duduk belakang bas, kecuali bas berhenti-henti, yang dibina pada atau selepas 1 Januari 2020 hendaklah dipasang dengan tali pinggang keledar yang mempunyai sekurang-kurangnya dua tempat penambat terbina dalam yang ditempatkan pada kedudukan terbaik untuk pemasangannya mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual.”;

(c) dengan memotong subkaedah (2); dan

(d) dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Jika kenderaan motor yang disebut dalam subkaedah (1) didapati tidak dipasang dengan tali pinggang keledar mengikut subkaedah itu, pemunya berdaftar kenderaan motor itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.”.

### **Pemotongan kaedah 3**

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 3.

**Pindaan kaedah 4**

7. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “kereta motor” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “kenderaan motor”.

**Penggantian kaedah 4A**

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 4A dengan kaedah yang berikut:

<p>“Setiap orang di tempat duduk belakang kenderaan motor hendaklah memakai tali pinggang keledar.</p>	<p>4A. (1) Tertakluk kepada kaedah 7, setiap orang di tempat duduk belakang kenderaan motor yang kaedah 2A terpakai baginya hendaklah memakai tali pinggang keledar mengikut cara yang dikehendaki oleh jenis dan binaannya.</p> <p>(2) Mana-mana orang yang melanggar kaedah ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.”.</p>
--	--

**Kaedah baharu 4B dan 4C**

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 4A kaedah yang berikut:

<p>“Tiap-tiap kanak-kanak di dalam kenderaan motor hendaklah diletakkan</p>	<p>4B. (1) Tiap-tiap kanak-kanak di dalam kenderaan motor hendaklah diletakkan di dalam sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual.</p>
---	--

di dalam  
sistem  
kekangan  
kanak-kanak.

(2) Sistem kekangan kanak-kanak menghadap ke hadapan boleh dipasang di tempat duduk penumpang hadapan kenderaan motor yang dilengkapi dengan beg udara.

(3) Sistem kekangan kanak-kanak menghadap ke belakang tidak boleh dipasang di tempat duduk penumpang hadapan kenderaan motor yang dilengkapi dengan beg udara melainkan jika fungsi beg udara itu dimatikan.

(4) Jika seseorang kanak-kanak di dalam kenderaan motor didapati tidak diletakkan di dalam sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai mengikut subkaedah (1) atau (3), pemandu kenderaan motor itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud kaedah ini, “sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai” ertinya sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai dengan umur, berat dan ketinggian seseorang kanak-kanak.

Pengecualian  
khas  
berhubung  
dengan  
sistem  
kekangan  
kanak-kanak.

4C. Walau apa pun subkaedah 4B(4), seseorang pemandu kenderaan motor tidaklah melakukan kesalahan di bawah subkaedah 4B(1)—

(a) jika tidak mungkin bagi sesuatu kenderaan motor disebabkan oleh pembinaannya untuk

dipasang dengan sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai;

- (b) jika tidak mungkin bagi sesuatu kenderaan motor disebabkan oleh bilangan penumpang di dalam kenderaan motor itu untuk dipasang dengan sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai;
- (c) jika kanak-kanak di dalam kenderaan motor itu telah diperakui oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar sebagai tidak layak secara perubatan untuk diletakkan di dalam sistem kekangan kanak-kanak; atau
- (d) jika, dalam hal suatu kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan pelancongan, tiada sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai disediakan untuk kanak-kanak oleh pengendali atau pemunya berdaftar kenderaan itu.”.

### **Penggantian kaedah 5**

10. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 5 dengan kaedah yang berikut:

“Sekatan ke atas penjualan dan pembekalan tali pinggang keledar dan sistem kekangan kanak-kanak.

5. (1) Tiada seorangpun boleh menawar untuk menjual atau menjual atau menawar untuk membekal atau membekal sesuatu tali pinggang keledar atau apa-apa bahagian daripadanya atau sistem kekangan kanak-kanak yang tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Mana-mana orang yang melanggar kaedah ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan kaedah 6**

11. Kaedah 6 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

- (i) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “kereta-kereta motor” dengan perkataan “kenderaan motor”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “kereta motor” dengan perkataan “kenderaan motor”;
- (iii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “kereta barang-barang” dengan perkataan “kenderaan barangan”; dan
- (iv) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “kereta” dengan perkataan “kenderaan”; dan

(b) dengan memotong perenggan (c).

### **Pindaan kaedah 7**

12. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Ketakpakaian dan  
pengecualian.”;

(b) dengan menomborkan semula kaedah sedia ada sebagai subkaedah (1);

(c) dalam subkaedah (1) yang dinomborkan semula—

(i) dalam perenggan (a), dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kereta motor” dengan perkataan “kenderaan motor”;

(ii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan menggantikan perkataan “dua orang” dengan perkataan “seorang”; dan

(B) dengan menggantikan koma bernoktah di hujung perenggan itu dengan noktah; dan

(ii) dengan memotong perenggan (c); dan

(d) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) yang dinomborkan semula subkaedah yang berikut:

“(2) Menteri boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini, apabila permohonan secara bertulis dibuat oleh orang itu kepada Menteri.”.

### **Kaedah baharu 7A**

13. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 7 kaedah yang berikut:

“Spesifikasi bagi tali pinggang keledar dan sistem kekangan kanak-kanak. 7A. Spesifikasi bagi tali pinggang keledar dan sistem kekangan kanak-kanak yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dijadikan tersedia di laman sesawang rasmi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia di <https://www.jpj.gov.my>.”.

### **Penggantian Jadual**

14. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL  
(Kaedah 2, 2A, 4B, 5 dan 7A)

**SPEKIFIKASI BAGI TALI PINGGANG KELEDAR DAN  
SISTEM KEKANGAN KANAK-KANAK**

<i>No.</i>	<i>Kaedah</i>		<i>Spesifikasi</i>
1.	Kaedah 2, 2A, 5 dan 7A	MS 75	Spesifikasi bagi Penambat Tali Pinggang Keledar
2.	Kaedah 2, 2A, 5 dan 7A	MS 1175	Spesifikasi bagi Tali Pinggang Keledar Kenderaan Motor
3.	Kaedah 2, 2A, 5 dan 7A	Peraturan UN No. 14	Peruntukan Seragam mengenai Kelulusan Kenderaan berkenaan dengan Penambat Tali Pinggang Keledar, Sistem Penambat ISOFIX dan Tali Penambat Atas ISOFIX

- |    |                           |                     |   |
|----|---------------------------|---------------------|---|
| 4. | Kaedah 2, 2A,<br>5 dan 7A | Peraturan UN No. 16 | Peruntukan Seragam mengenai Kelulusan:  |
|    |                           |                     | <p>I. Tali Pinggang Keledar, Sistem Kekangan, Sistem Kekangan Kanak-Kanak dan Sistem Kekangan Kanak-Kanak ISOFIX bagi Penumpang Kenderaan Pacuan Kuasa</p> <p>II. Kenderaan yang Dilengkapi dengan Tali Pinggang Keledar, Peringatan Tali Pinggang Keledar, Sistem Kekangan, Sistem Kekangan Kanak-Kanak dan Sistem Kekangan Kanak-Kanak ISOFIX dan Sistem Kekangan Kanak-Kanak <i>i-Size</i></p> |
| 5. | Kaedah 4B, 5<br>dan 7A    | Peraturan UN No. 44 | Peruntukan Seragam mengenai Kelulusan Peranti Kekangan bagi Penumpang Kanak-Kanak Kenderaan Pacuan Kuasa (“Sistem Kekangan Kanak-Kanak”)  |

6. Kaedah 4B, 5 dan 7A      Peraturan UN No. 129      Peruntukan      Seragam mengenai Kelulusan Sistem Kekangan Kanak-Kanak Dipertingkat yang Digunakan di dalam Kenderaan Motor (ECRS)”.

### **Kecualian**

15. (1) Mana-mana kenderaan motor yang telah dipasang dengan tali pinggang keledar mengikut Kaedah-Kaedah ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, disifatkan telah mematuhi spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

(2) Mana-mana sistem kekangan kanak-kanak yang telah dipasang di dalam kenderaan motor sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini yang tidak mematuhi spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, disifatkan telah mematuhi spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ibu sebagaimana yang dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

(3) Apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah ibu yang belum selesai di bawah Kaedah-Kaedah ibu boleh, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, diteruskan seolah-olah Kaedah-Kaedah ibu tidak dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat 20 Disember 2019  
[KP/BD/PJ/0.13 Jld.4(31); PN(PU2)460/CV]

LOKE SIEW FOOK  
*Menteri Pengangkutan*

ROAD TRANSPORT ACT 1987

MOTOR VEHICLES  
(SAFETY SEAT-BELTS) (AMENDMENT) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by section 66 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Motor Vehicles (Safety Seat-Belts) (Amendment) Rules 2019**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2020.

**Amendment of rule 1**

2. The Motor Vehicles (Safety Seat-Belts) Rules 1978 [P.U. (A) 378/1978], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 1 by substituting for the words “**Motor Vehicles (Safety Seat-Belts)**” the words “**Motor Vehicles (Safety Seat-Belts and Child Restraint System)**”.

**New rule 1A**

3. The principal Rules are amended by inserting after rule 1 the following rule:

“Definition. 1A. In these Rules—

“bus” has the meaning assigned to it in the Land Public Transport Act 2010 [Act 715] and the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 [Act 334], and includes excursion bus;

“stage bus” has the meaning assigned to it in the Land Public Transport Act 2010 and the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987;

“child” means a person who is under the age of twelve years and of less than 36 kilogrammes in weight and of less than 136 centimetres in height;

“tourism vehicle” has the meaning assigned to it in the Land Public Transport Act 2010 and the Tourism Vehicles Licensing Act 1999 [Act 594];

“public service vehicle” has the meaning assigned to it in the Land Public Transport Act 2010 and the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987;

“child restraint system” means a device capable of accommodating a child occupant in a sitting or supine position in a motor vehicle, and designed so as to diminish the risk of injury to the child in the event of a collision or abrupt deceleration of the motor vehicle by limiting the mobility of the child’s body.”.

#### **Amendment of rule 2**

4. Rule 2 of the principal Rules is amended—

- (a) in the national language text, by substituting for the words “kereta motor” wherever appearing including in the marginal note the words “kenderaan motor”;
- (b) in subrule (1), by inserting after the words “such fitting” the words “in accordance with the specifications specified in the Schedule”;
- (c) in subrule (2), by substituting for the words “Paragraph (1)” the words “Subrule (1)”; and
- (d) by substituting for subrule (3) the following subrule:

“(3) Where a motor vehicle referred to in subrule (2) is found not to be fitted with a safety seat-belt in accordance with subrule (1), the registered owner of such motor vehicle shall be guilty of an offence and shall be liable, in the case of a first conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months and, in the case of a second or subsequent conviction, to a fine not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twelve months or to both.”.

**Amendment of rule 2A**

5. Rule 2A of the principal Rules is amended—

(a) in the national language text, in the marginal note, by substituting for the words “kereta motor” the words “kenderaan motor”;

(b) by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) Subject to rule 6—

(a) every rear seat of a motor vehicle, other than a motor vehicle referred to in paragraph (b), which is registered on or after 1 January 1995 shall be fitted with a safety seat-belt with three built-in anchorage points located in the best position for such fitting in accordance with the specifications specified in the Schedule; and

(b) every rear seat of a bus, except a stage bus, which is constructed on or after 1 January 2020 shall be fitted with a safety seat-belt with at least two built-in anchorage points located in the best position for such fitting in accordance with the specifications specified in the Schedule.”;

(c) by deleting subrule (2); and

(d) by inserting after subrule (2) the following subrule:

“(3) Where a motor vehicle referred to in subrule (1) is found not to be fitted with a safety seat-belt in accordance with that subrule, the registered owner of such motor vehicle shall be guilty of an offence and shall be liable, in the case of a first conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months and, in the case of a second or subsequent conviction, to a fine not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twelve months or to both.”.

### **Deletion of rule 3**

6. The principal Rules are amended by deleting rule 3.

### **Amendment of rule 4**

7. Rule 4 of the principal Rules is amended in the national language text by substituting for the words “kereta motor” wherever appearing including in the marginal note the words “kenderaan motor”.

### **Substitution of rule 4A**

8. The principal Rules are amended by substituting for rule 4A the following rule:

“Every person  
in rear seat of  
motor vehicle  
to wear safety  
seat-belts.

4A. (1) Subject to rule 7, every person in the rear seat of a motor vehicle to which rule 2A applies shall wear a safety seat-belt in the manner required by its nature and construction.

(2) Any person who contravenes this rule shall be guilty of an offence and shall be liable, in the case of a first conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months and, in the case of a second or subsequent conviction, to a fine

not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twelve months or to both.”.

**New rules 4B and 4C**

9. The principal Rules are amended by inserting after rule 4A the following rules:

“Every child in motor vehicle to be placed in child restraint system.

4B. (1) Every child in a motor vehicle shall be placed in an appropriate child restraint system in accordance with the specification specified in the Schedule.

(2) A forward-facing child restraint system may be fitted in the front passenger seat of a motor vehicle which is equipped with an airbag.

(3) A rearward-facing child restraint system shall not be fitted in the front passenger seat of a motor vehicle which is equipped with an airbag unless the function of the airbag is turned off.

(4) Where it is found that a child in a motor vehicle is not placed in an appropriate child restraint system in accordance with subrule (1) or (3), the driver of the motor vehicle shall be guilty of an offence and shall be liable, in the case of a first conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months and, in the case of a second or subsequent conviction, to a fine not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twelve months or to both.

(5) For the purposes of this rule, “appropriate child restraint system” means a child restraint system which is suitable to the age, weight and height of a child.

Special exceptions in relation to child restraint system.

4C. Notwithstanding subrule 4B(4), a driver of a motor vehicle shall not be guilty of an offence under subrule 4B(1)—

- (a) if it is not possible for a motor vehicle by reason of its constructions to be installed with an appropriate child restraint system;
- (b) if it is not possible for a motor vehicle by reason of the number of passengers in the motor vehicle to be installed with an appropriate child restraint system;
- (c) if the child in a motor vehicle has been certified by a registered medical practitioner to be medically unfit to be placed in a child restraint system; or
- (d) if, in the case of a public service vehicle or tourism vehicle, there is no appropriate child restraint system provided for the child by the operator or registered owner of the vehicle.”.

**Substitution of rule 5**

10. The principal Rules are amended by substituting for rule 5 the following rule:

“Restriction on sale and supply of safety seat-belt and child restraint system.

5. (1) No person may offer to sell or sell or offer to supply or supply a safety seat-belt or any part thereof or a child restraint system which does not comply with the specifications specified in the Schedule.

(2) Any person who contravenes this rule shall be guilty of an offence and shall be liable, in the case of a first

conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months and, in the case of a second or subsequent conviction, to a fine not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twelve months or to both.”.

### **Amendment of rule 6**

11. Rule 6 of the principal Rules is amended—

*(a)* in the national language text—

- (i) in the marginal note, by substituting for the words “kereta-kereta motor” the words “kenderaan motor”;
- (ii) by substituting for the words “kereta motor” the words “kenderaan motor”;
- (iii) in paragraph *(a)*, by substituting for the words “kereta barang-barang” the words “kenderaan barangan”; and
- (iv) in paragraph *(b)*, by substituting for the word “kereta” the word “kenderaan”; and

*(b)* by deleting paragraph *(c)*.

### **Amendment of rule 7**

12. Rule 7 of the principal Rules is amended—

*(a)* by substituting for the marginal note the following marginal note:

“Non-application and  
exemption.”;

- (b) by renumbering the existing rule as subrule (1);
- (c) in subrule (1) as renumbered—

  - (i) in paragraph (a), in the national language text, by substituting for the words “kereta motor” the words “kenderaan motor”;
  - (ii) in paragraph (b)—

    - (A) by substituting for the word “two” the word “a”; and
    - (B) by substituting for the semicolon at the end of the paragraph a full stop; and
  - (ii) by deleting paragraph (c); and
- (d) by inserting after subrule (1) as renumbered the following subrule:

  - “(2) The Minister may, in such special circumstances as he thinks fit, exempt any person from any of the provisions of these Rules, upon application in writing made by that person to the Minister.”.

**New rule 7A**

13. The principal Rules are amended by inserting after rule 7 the following rule:

“Specifications for safety seat-belts and child restraint system.	7A. The specifications for safety seat-belts and child restraint system specified in the Schedule shall be made available on the official website of the Road Transport Department Malaysia at <a href="https://www.jpj.gov.my">https://www.jpj.gov.my</a> .”.
---	--

**Substitution of Schedule**

14. The principal Rules are amended by substituting for the Schedule the following schedule:

“SCHEDULE  
(Rules 2, 2A, 4B, 5 and 7A)

SPECIFICATIONS FOR SAFETY SEAT-BELTS AND CHILD RESTRAINT SYSTEM

<i>No.</i>	<i>Rule</i>		<i>Specification</i>
1.	Rules 2, 2A, 5 and 7A	MS 75	Specification for Anchorages for Seat Belts
2.	Rules 2, 2A, 5 and 7A	MS 1175	Specification for Seat Belts for Motor Vehicles
3.	Rules 2, 2A, 5 and 7A	UN Regulation No. 14	Uniform Provisions concerning the Approval of Vehicles with regard to Safety-Belt Anchorages, ISOFIX Anchorages Systems and ISOFIX Top Tether Anchorages
4.	Rules 2, 2A, 5 and 7A	UN Regulation No. 16	Uniform Provisions concerning the Approval of: <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Safety-Belts, Restraint Systems, Child Restraint Systems and ISOFIX Child Restraint Systems for Occupants of Power Driven Vehicles</li> <li>II. Vehicles Equipped with Safety-Belts, Safety-Belt Reminders, Restraint Systems, Child Restraint Systems and ISOFIX Child</li> </ol>

Restraint Systems and i-Size  
Child Restraint Systems

- |    |                       |                       |  |
|----|-----------------------|-----------------------|--|
| 5. | Rules 4B, 5<br>and 7A | UN Regulation No. 44  | Uniform Provisions concerning the Approval of Restraining Devices for Child Occupants of Power-Driven Vehicles (“Child Restraint Systems”) |
| 6. | Rules 4B, 5<br>and 7A | UN Regulation No. 129 | Uniform Provisions concerning the Approval of Enhanced Child Restraint Systems Used on Board of Motor Vehicles (ECRS)”.                    |

**Savings**

15. (1) Any motor vehicle which has been fitted with a seat-belt in accordance with the principal Rules before the coming into operation of these Rules shall, on the date of the coming into operation of these Rules, be deemed to have complied with the specifications specified in the Schedule to the principal Rules as amended by these Rules.

(2) Any child restraint system which has been fitted in a motor vehicle immediately before the date of coming into operation of these Rules which does not comply with the specifications specified in the Schedule to these Rules shall, on the date of coming into operation of these Rules, be deemed to have complied with the specifications specified in the Schedule to the principal Rules as amended by these Rules.

(3) Any investigation, prosecution or proceedings in respect of any offence under the principal Rules which is pending under the principal Rules may, on the date of coming into operation of these Rules, be continued as if the principal Rules had not been amended by these Rules.

Made 20 December 2019  
[KP/BD/PJ/0.13 Jld.4(31); PN(PU2)460/CV]

LOKE SIEW FOOK  
*Minister of Transport*